

MAHATHIR

1975
KUALA LUMPUR, 6 OKT. (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKAT HARI INI KERAJAAN SEDAR ADANYA PERTUBUHAN TERTENTU DI NEGARA INI YANG MEMBERIKAN GAMBARAN BURUK DAN PALSU DI LUAR NEGERI MENGENAI DASAR EKONOMI BARU.

NAMUN, PERBUATAN SERUPA ITU SUDAH PERKURANGAN AKIBAT TINDAKAN-TINDAKAN YANG TELAH DIJALANKAN OLEH KERAJAAN, KATANYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA PEMERITA DIMIKAN SETELAH MERASMIKAN KURSUS KEPIMPINAN PERSATUAN MAHASISWA PERUBATAN UNIVERSITI KEBANGSAAN (PERSIAP 1) DI FAKULTI PERUBATAN UKM DI JALAN RAJA MUDA DISINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TELAH MENGULANGI AMARANNYA TERHADAP PENIAGA-(PENIAGA YANG MENAIKKAN HARGA BARANG YANG MELAMPAUI BATAS AKIBAT KENAIKAN TARIF ELEKTRIK BARU-PARU INI).

TIDAK ADA SEBAB MEREKA MESTI MENAIKKAN HARGA YANG BEGITU TINGGI KERANA KERAJAAN AKAN MENUMPASKAN SEPARANG KENAIKAN HARGA YANG TIDAK MENGIKUT KADAR YANG BERPATUTAN, KATANYA.

TERDAHULU DARI ITU DALAM UCAPANNYA TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH MENINGATKAN BAHAWA NILAI-NILAI MASYARAKAT TELAH MEROSOT WALAUPUN KESEDARAN BERAGAMA TELAH BERTAMPAH DI KALANGAN RAKYAT.

INI KERANA ADANYA UNSUR-UNSUR YANG MENGAMBIL KESEMPATAN MENTAFSIRKAN NILAI-NILAI KEAGAMAAN ITU UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI, KATANYA. -- BERSAMBUNG 1815/1B

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, SEBAGAI MISALAN ADA ORANG YANG TIDAK LAGI MENGHIRAUKAN UCAPAN +TERIMA KASIH+ KEDANA ANGGAPANNYA SEMUA REZEKI DATANGNYA LANGSUNG DARI TUHAN.

MEMANGLAH SEMUA REZEKI ITU DATANGNYA DARI TUHAN, TETAPI TENTU ADA ORANG PERANTARAAN YANG MENGUSAHAKANNYA SEPELUM SAMPAI KE TANGAN PENERIMANYA. TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR LAGI.

SELANJUTNYA BELIAU MENYERU SUPAYA NILAI-NILAI KEAGAMAAN DIBERIKAN TAFSIRAN YANG BENAR DAN MENKAJI NILAI-NILAI BURUK DAN BAIK. YANG TERDAPAT PADA MASYARAKAT UNTUK MELAHIRKAN KEPIMPINAN YANG BAIK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR LALU MENINGATKAN MAHASISWA-MAHASISWA PERUBATAN ITU BETAPA MASYARAKAT TERUTAMA DI KAMPUNG-KAMPUNG YANG MENGANGGAP PARA DOKTOR SEBAGAI PEMIMPIN.

GURUT HADIR DI UPACARA ITU TALAH NAIB CANSOLOR UKM, TAN SRI DR. ANUWAR MAHMUD. -- BERNAMA 1825/1B